

17/04/1998

Isu Matnor: Najib perlu telus

MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak enggan memberikan penjelasan lanjut mengenai isu Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Matnor Daim yang diminta melepaskan jawatannya lebih awal mulai 29 April ini.

Sewaktu ditemui pemberita selepas merasmikan Bengkel Pengajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Universiti Malaya, semalam, Najib mengulangi kenyataan yang dibuat kelmarin bahawa keputusan supaya Matnor bertugas setahun sahaja sebagai Ketua Pengarah Pendidikan adalah keputusan kerajaan.

Ketika ditanya sama ada tempoh perkhidmatan selama setahun itu disebutkan di dalam surat pelantikan Matnor, Najib berkata:

"Tak apalah. Cukuplah. Keputusan ini keputusan kerajaan. Saya tidak perlu memberi sebab mengapa kerajaan berbuat demikian," katanya.

Sementara itu, kesatuan guru menyifatkan kenyataan yang dibuat oleh Najib kelmarin sebagai tidak menunjukkan sikap telus serta membuka ruang kepada pelbagai spekulasi serta tafsiran negatif.

Malah, kenyataan sedemikian juga menunjukkan boleh menjatuhkan imej peribadi yang terbabit serta Kementerian Pendidikan sendiri.

Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Guru Bahasa Melayu SeMalaysia, Kamal Shukri Abdullah Sani, berkata kenyataan itu menunjukkan seolah-olah tiada ketelusan dan konsep permuafakatan yang berlangsung selama ini tidak diamalkan lagi.

"Najib sendiri mengakui perkara itu tidak pernah berlaku dalam Kementerian Pendidikan. Jadi, mesti ada sesuatu yang sangat luar biasa menyebabkan hal ini berlaku. Apabila tidak diberi sebab, menjadikan perkara ini lebih misteri," katanya.

Kelmarin kesatuan itu juga menghantar memorandum kepada Najib; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat, Mohd Kahiri Yahya, pula berkata kesatuan guru mempersoalkan cara yang dipraktikkan untuk menamatkan perkhidmatan bagi satu jawatan yang tertinggi di dalam perkhidmatan pendidikan, bukan mempersoalkan pelantikan Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah.

Beliau menyifatkan cara peralihan jawatan itu dibuat sebagai tindakan yang memalukan.

"Kita mempersoalkan apa sebenarnya berlaku kerana kita tidak faham mengapa tidak boleh beri sebab," katanya.

(END)